

04 OCT 2001

Mahathir-MCA

CHUA HANYALAH PEMIMPIN SEMENTARA MCA KEDAH, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Datuk Chua Jui Meng digugurkan daripada jawatan pengerusi perhubungan MCA Kedah memandangkan parti itu tidak lagi mengalami pergolakan di negeri berkenaan.

"Chua dijadikan Ketua MCA Kedah kerana pada masa itu MCA Kedah bergolak, ada perselisihan faham. Tapi sekarang masalah tu dah selesai, tak ada lagi perselisihan di Kedah.

"Dan (Datuk) Beh (Heng Seong) diterima oleh MCA Kedah. Jadi sampailah masanya beliau (Chua) berhenti daripada menjadi `stop-gap leader'," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sidang Kemuncak CEO 2001 di sini.

Dr Mahathir berkata demikian apabila ditanya tentang tindakan Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik pada Selasa menggugurkan Chua daripada jawatannya itu berkuatkuasa serta merta dan menggantikannya dengan Beh yang sebelum ini merupakan Setiausaha MCA negeri.

Chua, Naib Presiden MCA dan Anggota Parlimen Bakri, Johor, menerajui kepimpinan MCA Kedah sejak 1993. Chua juga merupakan Menteri Kesihatan.

Ditanya tentang kemungkinan berlakunya rombakan Kabinet berikutan perkembangan dalam parti komponen Barisan Nasional (BN) itu, Dr Mahathir, sambil ketawa, berkata: "Anda tahu saya jarang rombak Kabinet."

Dr Mahathir berkata beliau sendiri pernah digantikan sebagai Ketua Perhubungan Umno Kelantan.

"Sekarang ini, orang lain jadi ketua perhubungan. Takkan ini bermakna bahawa saya kena lepaskan jawatan PM. Ini tak ada kena mengena. Beliau (Chua) hanya sementara, `stop-gap leader' kerana masalah di situ (MCA Kedah dahulu)," katanya.

Dr Ling hari ini dilaporkan sebagai berkata pengguguran Chua dibuat atas kemahuan anggota-anggota MCA Kedah sendiri dan tiada kena mengena dengan isu pembelian Nanyang Press Holdings Bhd, seperti yang didakwa Chua.

-- BERNAMA

MAM AHH PR